EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026



USAHA MELANGKAUI KITAR SEMULA: KEPENTINGAN PENCEGAHAN PENJANAAN SISA PEPEJAL DAN KEPENGGUNAAN LESTARI

Farah Murni Merican

Berdasarkan laporan United Nations Environmental Programme (UNEP) tahun 2024, pengguna kebiasaannya membuang barang barang hanya selepas 6 bulan selepas pembelian kerana ianya mudah dan murah untuk didapati. Budaya “throwaway” (pakai buang) telah menyumbang kepada penjanaan 2 billion tan sisa pepejal atau sampah di seluruh dunia setiap tahun.

Di Malaysia, krisis sisa pepejal ini juga meruncing terutama sekali di bandar bandar utama di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Pelbagai usaha dan strategi telah diambil untuk mengurangkan penjanaan sisa pepejal di negara ini, antaranya program kitar semula. Sehingga kini, aktiviti kitar semula terus menjadi fokus dan inisiatif utama dalam mempromosikan pengurusan sisa pepejal yang mampan di Malaysia.

Walaupun kitar semula merupakan satu usaha yang murni dan lestari, dianggarkan sebanyak 80 hingga 90 peratus sisa pepejal di negara ini masih dihantar ke tapak pelupusan. Inisiatif dan usaha untuk kitar semula dilihat tidak memadai dan terhad sebagai strategi jangka panjang menangani penjanaan sisa pepejal yang kian meningkat. Pelbagai usaha lestari lain perlu lebih giat diambil berikutan krisis sisa ini.



Mengikut saranan hirarki pengurusan sisa pepejal antarabangsa, keutamaan perlu diberi kepada pencegahan penghasilan sisa, diikuti oleh guna semula bahan, kitar semula dan pembuangan atau *“disposal”* sebagai langkah terakhir. Aktiviti pencegahan penghasilan sisa oleh pengguna akhir boleh ditakrifkan sebagai aktiviti sebelum sisa pepejal dijana atau dihasilkan. Manakala kitar semula lebih tertumpu kepada aspek pengurusan penghasilan sisa yang telah dijana. Pencegahan penjanaan sisa pepejal merangkumi pelbagai usaha kepenggunaan lestari seperti mengelakkan pembelian yang tidak perlu, memperbaiki semula barang lama yang masih boleh dipakai dan mengurangkan penggunaan bahan seperti plastik sekali guna dan lain-lain. Usaha ini dapat mengurangkan penyusutan sumber alam

semula jadi, di samping membantu mengurangkan beban untuk mengitar semula dan pengurusan sisa pepejal di negara ini.

Namun amalan pencegahan penghasilan sisa pepejal dilihat lebih mencabar daripada usaha kitar semula kerana ia memerlukan pengguna untuk mengubah cara hidup dan pola kepenggunaan mereka ke arah lebih minimalis, hemat dan lestari. Berbanding dengan usaha kitar semula yang lebih dekat dengan masyarakat, amalan pencegahan penjanaan sisa pepejal masih lagi rendah di Malaysia.

Oleh itu, pelbagai usaha yang lebih giat perlu diambil oleh pelbagai pihak dan pemegang taruh untuk mengarusperdanakan amalan pencegahan sisa pepejal oleh pengguna, melangkaui amalan kitar semula. Kempen, pendidikan dan strategi kesedaran awam (CEPA) perlu menekankan amalan pencegahan sisa pepejal dan kepenggunaan lestari sebagai langkah utama pengurusan sisa pepejal, sebelum mengitar semula, selari dengan saranan hirarki pengurusan sisa pepejal antarabangsa. Usaha ini penting dalam menggerakkan Malaysia ke arah mencapai Ekonomi Kitaran dan Matlamat (*Sustainable Development Goal*) No 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab.